

Ucapan YAB Perdana Menteri, Tun Haji Abdul Razak bin Hussein,
Di Upacara Merasmikan Konggres Kerjasama Malaysia, Di Universiti Malaya
Kuala Lumpur pada 20hb. Mac, 1971, jam 9.00 pagi.

Saya berasa gembira dan mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Jawatankuasa Konggres kerana telah memberi kehormatan kepada saya pada pagi ini untuk merasmikan pembukaan Konggres Kerjasama Malaysia yang kedua ini.

Saya suka mengambil peluang ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada ahli-ahli Jawatankuasa itu di atas inisiatif dan usaha-usaha mereka yang giat hingga berjaya mengadakan Konggres ini bagi kali yang kedua.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian: Saya telah mengikuti perkembangan gerakan Syarikat Kerjasama di negara kita ini sejak beberapa tahun lamanya dan sungguh pun gerakan Syarikat Kerjasama telah banyak membuat perubahan dan mencapai kejayaan dalam usaha-usahanya, terutama sekali selepas Konggres Kerjasama yang pertama dalam tahun 1966, tetapi saya rasa gerakan Syarikat Kerjasama di negara kita masih lagi mempunyai beberapa kekurangan.

Saya sukacita mengetahui, sebagaimana dikatakan dalam laporan Konggres Kerjasama Malaysia kedua ini, bahawa gerakan Kerjasama di negara kita akan mengubah dan menukar corak pergerakannya supaya boleh memberi sumbangan yang lebih berkesan dan berfaedah kepada masyarakat dan negara.

Saya juga sukacita mendapat tahu yang Konggres kedua ini akan, diantara lain, membincangkan tentang penubuhan Persatuan Kerjasama peringkat nasional yang diberi nama ANGKASA, yang merupakan satu badan perpaduan dan penyelarasan bagi seluruh gerakan kerjasama. Saya berharap ANGKASA tidak akan semata-mata menjadi tangkal atau azimat tetapi seharusnya menjadi nadi bagi menggerakkan kegiatan-kegiatan kerjasama bagi memenuhi hasrat ahli-ahlinya dan memberikan sumbangan positif kepada negara.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian. Saya rasa memang telah sampai masanya bagi sebuah badan nasional seperti yang disebutkan tadi di tubuhkan, memandang kepada beberapa kelemahan-kelemahan yang telah dialami oleh syarikat-syarikat kerjasama sejak gerakan ini bermula hampir-hampir lima dekad dahulu.

Saya tidak ingin menyentuh tentang sebab-sebab kelemahan syarikat-syarikat kerjasama ini oleh kerana sebab-sebab ini telah pun dikemukakan didalam laporan tadi. Kita semua maklum, konsep dan sistem kerjasama yang dibawa kanegeri ini pada masa lalu oleh Kerajaan Barat sudah tidak sesuai lagi dengan keadaan sekarang. Oleh itu amatlah mustahak pada hari ini kita mengubah sistem dan konsep kerjasama supaya menjadi lebih dinamik dan benar-benar memenuhi tujuan-tujuannya dan terutama sekali hasrat-hasrat serta kehendak-kehendak rakyat dalam zaman pembangunan ini.

Disebabkan oleh konsep dan sistem yang usang ini, tidak dapat diadakan rancangan-rancangan pentadbiran dan penyelarasan yang licin dan berkesan. Keadaan ini menjadi lebih rumit kerana terdapat satu sayap dari gerakan ini bertumpu semata-mata kepada kawasan luar bandar (atau rural oriented), sedangkan satu sayap lagi tertumpu semata-mata kepada kegiatan dalam bandar (atau urban oriented) yang kadang kala bertelengkah antara satu sama lain. Saya sukacita bahawa Konggres ini akan menumpukan sebahagian besar dari perbincangan-perbincangannya untuk mengkaji dan mencari cara yang baik bagi mengatasi masalah-masalah ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian. Sebagai sebuah negara yang sedang membangun, Malaysia, seperti negara-negara Asia Tenggara yang lain, sedang menempoh proses pembangunan ekonomi. Ini bermakna kita mestilah mengadakan rancangan-rancangan bukan sahaja untuk meninggikan taraf hidup rakyat jelata bah-

kan juga memberi makna yang sebenarnya kepada taraf kemerdekaan yang kita capai empat belas tahun dahulu.

Kerajaan telah pun mengadakan berbagai-bagai rancangan pembangunan yang mempunyai matlamat untuk menjadikan negara kita sebagai sebuah negara yang aman dan makmur. Dari segi ini, Kerajaan telah pun mengiktirafkan peranan gerakan kerjasama didalam proses pembangunan ekonomi. Hakikat ini telah diakui dengan keputusan Kerajaan mengadakan portfolio Kemajuan Kerjasama.

Kerajaan sedar bahawa gerakan Kerjasama hendaklah digembelingkan didalam usaha pembangunan ekonomi, khasnya, ekonomi luar bandar. Dalam masa Rancangan-rancangan Lima Tahun Pertama dan Kedua dan juga Rancangan Malaysia Yang Pertama, Kerajaan telah memberikan segala bantuan dan sokongan kepada gerakan kerjasama menerusi Jabatan Kemajuan Kerjasama.

Dalam hal ini kita telah mengubah dan membaiki corak syarikat-syarikat kerjasama, terutama yang baharu ditubuhkan dengan menjadikannya syarikat-syarikat serbaguna yang mempunyai bidang kerja yang lebih luas. Proses pembaharuan ini maseh berjalan dan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang bertanggungjawab atas hal ehwal gerakan kerjasama masih mengkaji tentang peranannya di dalam kontek Rancangan Malaysia yang Kedua dan seterusnya.

Sebagaimana tuan-tuan dan puan-puan maklum, rancangan Malaysia yang kedua, akan dilaksanakan tidak lama lagi. Rancangan-rancangan ini bertujuan meninggikan lagi kadar pertumbuhan ekonomi atau economic growth untuk melebihi 6% bagi membolehkan Kerajaan mencapai kedua-dua matlamat dasar ekonomi baharu yang telah kerap kali saya katakan dengan panjang lebar.

Rancangan-rancangan pembangunan yang akan dilancarkan ini menitik beratkan kepada pelbagai pertanian; iaitu mempelbagaikan pertanian kepada tanaman kelapa sawit, nenas, tebu dan ubi kayu, di samping pembukaan rancangan-rancangan tanah-tanah baharu dan meluaskan lagi pemasaran kayu kayan. Serentak dengan itu Kerajaan akan memperhebatkan lagi rancangan-rancangan perindustrian yang menitik beratkan kepada "Import-substitution" dan "export of manufactured goods".

Mulai dari sekarang, rancangan-rancangan berkaitan dengan perindustrian akan diusahakan bukan sahaja oleh private-sector, tetapi juga oleh penyertaan bersama diantara private-sector dan Kerajaan dan juga Kerajaan sendiri. Dari segi inilah gerakan kerjasama dapat bersama mengambil bahagian yang aktif didalam rancangan perindustrian. Gerakan kerjasama mestilah memilih rancangan-rancangan yang sesuai bagi mereka menyertai sama ada dengan cara joint-venture atau persendirian.

Sayugia diingatkan bahawa segala rancangan-rancangan ini adalah bertujuan untuk menambahkan lagi peluang-peluang pekerjaan, penyertaan golongan-golongan tidak berada didalam perindustrian dan mengimbangkan keadaan ekonomi yang ada pada masa ini. Dengan lain perkataan, tujuan rancangan-rancangan yang sedang dan akan dilaksanakan ini ialah untuk melibatkan dengan seberapa ramai rakyat jelata sekalian untuk menyertai di-dalam projek-projek yang akan menguntungkan mereka, terutama sekali didalam rancangan-rancangan perusahaan dan perindustrian.

Sebagaimana kita semua maklum, negara kita memang mempunyai banyak syarikat-syarikat kerjasama seperti syarikat-syarikat mengilang padi, jimat cermat, nelayan, kedai dan beberapa jenis perniagaan, yang telah lama tertuboh dan sebarusnya telah dapat meninggikan sekurang-kurangnya taraf hidup ahli-ahli mereka. Tetapi harapan ini tidaklah berlaku demikian oleh kerana ternyata bahawa sistem dan konsep gerakan kerjasama kita yang ada hari ini sudah tidak sesuai lagi dengan keadaan masa. Dengan demikian, mustahak dikaji semula bukan sahaja objektif dan undang-undang yang berkenaan dengan gerakan kerjasama bahkan juga structure gerakan kerjasama itu disusun semula dan diperkemaskan sesuai dengan kehendak-kehendak

pembangunan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian: Saya tidaklah ingin hendak menerangkan kepada tuan-tuan dan puan-puan tentang peranan dan kejayaan-kejayaan gerakan syarikat kerjasama di beberapa negara Barat, kerana saya percaya tuan-tuan dan puan-puan sekalian tentulah lebih mengetahui tentang hal ini. Kita boleh mengambil contoh dari gerakan kerjasama di negara-negara yang sudah maju seperti negeri-negeri Scandinavia dan Yugoslavia dan juga yang lain-lain. Di dalam lawatan ke Yugoslavia tentu kita memandangkan pada mustahaknya kita mengubah perjalanan gerakan kerjasama di negara ini, saya bercadang hendak mengambil expert atau pakar dari luar negeri untuk memberi nasihat dan panduan bagi membaiki perjalanan kerjasama di sini.

Sepertimana kita tahu, syarikat-syarikat kerjasama kita yang ada pada hari ini, kebetulan pula kebanyakan ahli-ahlinya adalah terdiri dari pekebun-pekebun kecil, kaum tani dan nelayan, maka sudah tentulah kita dapat menggunakan organisasi-organisasi mereka untuk membolehkan golongan-golongan ini menyertai dalam bidang perusahaan yang berlandaskan pertanian, dalam bidang perniagaan dan juga perusahaan-perusahaan lain. Untuk membolehkan organisasi-organisasi ini menjalankan peranan baru ini, mustahaklah kita menyusun semula gerakan kerjasama kerana hanya dengan jalan ini barulah syarikat-syarikat kerjasama dapat berkhidmat untuk ahli-ahlinya serta dapat berdiri diatas kaki sendiri (self-reliance).

Saya ingin melihat pertumbuhan satu konsep dan sistem baru gerakan kerjasama yang akan mengutamakan kepada penyertaan saham (atau share participation) oleh setiap pekerja atau dalam perusahaan itu yang menjadi ahlinya. Dibawah konsep ini, pekerja-pekerja yang terdiri dari ahli-ahlinya sendiri akan juga memegang saham sebagai incentive; disamping itu pekerja-pekerja akan diberi tempat dalam Management Council supaya mereka turut bertanggungjawab dalam Pentadbiran dan pengurusan. Pada dasarnya, walau pun pekerja-pekerja diberi gaji yang sederhana, mereka dengan sendirinya akan berusaha untuk memajukan syarikat mereka dengan lebih giat kerana dengan mendapat keuntungan yang tinggi mereka akan dapat menerima dividend serta bonus yang tinggi pula disamping pendapatan yang sudah ditentukan itu.

Konsep dan sistem baru ini dapat dilaksanakan umpamanya oleh syarikat-syarikat kerjasama mengilang padi. Tiap-tiap ahlinya yang dengan sendirinya mempunyai saham masing-masing, mestilah meluaskan lagi aktiviti syarikat mereka dari mengilang padi untuk kegunaan ahli-ahli saja dengan mengilang untuk perniagaan beras dan lain-lain hasil by-product kilang itu. Pengembangan scope ini akan dapat mengadakan peluang pekerjaan, (walau pun kecil) tetapi juga meninggikan lagi pendapatan syarikat itu dan ini bermakna akan bertambah pula pendapatan kepada sekalian ahli-ahlinya, berupa dividend dan bonus yang lumayan.

Selain daripada menjalankan peranan yang saya sebutkan tadi, syarikat-syarikat kerjasama dikampong-kampong hendaklah menjadi pusat di mana ahli-ahlinya akan mendapat modal dan alat-alat yang mustahak untuk meninggikan lagi produktiviti ahli-ahlinya seperti tractor dan sebagainya. Syarikat-syarikat Kerjasama hendaklah lebih giat berusaha mengembelikan "domestic savings" yang ada ditangan ahli-ahlinya supaya dapat dijadikan "domestic capital" didalam berbagai rupa perusahaan, sama ada secara langsung, atau pun melalui yayasan-yayasan atau pun badan-badan seperti Bank Kerjasama dan lain.

Selain daripada itu, modal-modal tersimpan yang dimabolise tadi dapat merengankan beban negara kerana ini menambahkan "domestic capital" untuk digunakan bagi perkembangan industry. Dengan ini kaum tani dan buroh serta golongan-golongan berpendapatan kecil yang menjadi ahli-ahli syarikat kerjasama, akan berpeluang memileki perusahaan-perusahaan yang penting di samping memberikan mereka peluang-peluang pekerjaan yang lebih luas di bidang perindustrian moden serta meninggikan taraf hidup mereka.

Bersabit dengan konsep baru ini, saya suka mengeshorkan supaya pada permulaannya ANGKASA

mengadakan satu pilot project dimana sistem share participation dan management participation itu dijalankan. Kalau experiment ini berjaya, bolehlah pula di susul dengan projek-projek lain dengan lebih pesat lagi kelak. Syarikat-syarikat Kerjasama juga boleh melancarkan projek-projek perindustrian secara tidak langsung dimana pentadbiran diserahkan kepada satu kumpulan pengurusan yang cekap, tetapi syarikat-syarikat kerjasama dan pengurusan memegang saham-saham didalam perusahaan-perusahaan ini. Dengan cara ini pihak pengurusan akan berusaha bagi meninggikan perusahaan-perusahaan mereka sendiri, disamping itu memberikan latihan kemahiran kepada ahli-ahli syarikat kerjasama yang sangat diperlukan untuk membolehkan mereka masuk kedalam kegiatan-kegiatan sektor baru.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian: Saya percaya Konggres ini akan mengkaji dengan mendalam akan peranan-peranan yang diharap dari gerakan syarikat-syarikat kerjasama negara kita ini. Saya harap tuan-tuan akan memberi perhatian berat kepada shor-shor yang telah saya katakan baru sebentar tadi. Saya juga berharap dengan berlangsungnya Konggres Kerjasama yang kedua ini dan terbentoknya ANGKASA dapatlah syarikat-syarikat kerjasama menyesuaikan tugas-tugas mereka untuk menyertai dalam proses pembangunan negara. Menerusi ANGKASA, diharap semua badan-badan kerjasama akan bergabung dalam satu pertubuhan besar yang benar-benar akan dapat memainkan peranan positif untuk melaksanakan Desar Ekonomi Baru.

Saya dengan sukacitanya merasmikan Konggres Kerjasama Kedua ini dan saya mengucapkan kepada peserta-peserta sekalian selamat bersidang dan maju jaya.